

20 JUN 1998

DR MAHATHIR LANCAR KLIP VIDEO "PERJUANGAN BELUM SELESAI"

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini malancarkan klip video "Sentuhan Wira Bangsa dalam Perjuangan Belum Selesai" pada hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Video selama 20 minit itu antara lain mengandungi beberapa ucapan Dr Mahathir mengenai penderitaan rakyat Malaysia sebelum dan selepas merdeka dan juga masyarakat Bosnia.

Penerbit video itu yang dijual pada harga RM20 sebuah ialah Anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Senator Datuk Ibrahim Ali.

Yang hadir pada pelancaran itu ialah Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik.

--BERNAMA

ES WAT